

Statistik menunjukkan hampir 40 peratus graduan UMS diambil bekerja

NST 23.11.2014 2

KOTA KINABALU: Statistik sehingga tahun 2013 menunjukkan bahawa hampir 40 peratus graduan Universiti Malaysia Sabah (UMS) diambil bekerja beberapa bulan selepas menamatkan pengajian.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr.Mohd Harun Abdullah berkata ini menunjukkan graduan UMS mempunyai nilai pasaran pekerjaan yang tinggi dan sekaligus membuktikan kualiti graduan universiti itu adalah sebanding atau lebih baik daripada universiti-universiti lain di negara ini.

“Saya berharap alumni UMS akan terus mencipta kejayaan dalam kerjaya masing-masing dan menjadi kebanggaan universiti.

“Sememangnya alumni memainkan peranan penting dalam membantu pembangunan universiti. Oleh itu UMS berharap dapat membina rangkaian alumni yang lebih mantap dan berkemampuan untuk menjadi sumber kekuatan sesama alumni dan sumber kemahiran dalam pelbagai aspek kepada universiti,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Konvokesyen Ke-16 UMS, di Dewan Canselor UMS, di sini, kelmarin.

Mohd Harun turut berbangga atas kejayaan UMS sejak ditubuhkan pada tahun 1994 sehingga kini.

“Bermula dengan penubuhan tiga buah sekolah dan sebuah pusat iaitu Sekolah Sains dan Teknologi, Sekolah Sains Sosial, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi serta Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa pada 1994, kini dalam usia 20 tahun, UMS terus membangun dalam pelbagai dimensi sama ada dalam prasarana mahupun akademik.

“Sehingga tahun 2014, UMS mempunyai 13 buah sekolah, 16 pusat penyelidikan, dua kampus cawangan masing-masing di Labuan dan Sandakan,” katanya.

Beliau berkata bagi memperkasakan lagi universiti itu, UMS telah menjenamakan semula semua sekolah dan pusat pengajian dengan menukar nama sekolah kepada fakulti dan menggabungkan beberapa buah sekolah menjadi 10 fakulti pada Jun lepas.

“Sepanjang tempoh 20 tahun sejak ditubuhkan UMS menunjukkan kejayaan dan pencapaian yang amat membanggakan dalam pelbagai aspek. Banyak kejayaan sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa,”

katanya. **-OLEH MARRYAN RAZAN (marrayan@newsabahtimes.com.my)**